

BANK ISLAM INGATKAN ORANG RAMAI AGAR LEBIH BERWASPADA

Elak klik pautan mencurigakan, laman web dan akaun media sosial palsu

KUALA LUMPUR, Ahad [9 Februari 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) mengingatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada terhadap pautan serta akaun media sosial palsu yang menyalahgunakan jenama dan gambar Bank Islam bagi tujuan penipuan.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bank Islam, Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff menegaskan bahawa semua kempen yang dianjurkan Bank Islam akan, hanya dipromosikan menerusi saluran rasmi Bank Islam.

“Bank Islam sentiasa mengutamakan keselamatan data dan kepentingan pelanggan. Kami **tidak akan meminta maklumat peribadi atau sensitif** pelanggan seperti nombor akaun, kata laluan, atau kod OTP melalui laman web mahupun akaun media sosial bagi sebarang kempen yang dijalankan. Malah, promosi-promosi mengenai kempen hanya dilakukan pada laman-laman rasmi Bank Islam sahaja.

“Oleh itu, kami menggesa agar orang ramai agar lebih berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan taktik licik golongan tidak bertanggungjawab. Orang ramai perlu sentiasa memastikan kesahihan maklumat terlebih dahulu sebelum mengambil langkah seterusnya,” tegas beliau.

Bank Islam menegaskan bahawa semua maklumat rasmi berkaitan kempen, promosi, atau produk perbankan hanya akan disiarkan melalui saluran rasmi berikut:

Laman web rasmi Bank Islam: www.bankislam.com dan **media sosial rasmi Bank Islam** adalah:

- **Facebook:** Bank Islam Malaysia Berhad
- **Instagram:** bankislam
- **X:** myBankIslam
- **LinkedIn:** Bank Islam Malaysia Berhad

Pengguna disarankan mengikuti langkah-langkah di bawah untuk melindungi diri mereka daripada menjadi mangsa penipuan:

- **Berhati-hati dengan pautan** yang boleh diklik.
- **Sentiasa log masuk** ke akaun perbankan anda **melalui laman web rasmi Bank Islam.**
- **Perhatikan dengan teliti pautan laman web** sebelum meneruskan aktiviti perbankan anda.
- **Pastikan imej dan kata keselamatan anda** betul sebelum memasukkan kata laluan.

- **Tidak berkongsi maklumat peribadi** seperti kata laluan atau kod OTP dengan mana-mana pihak, termasuk Bank Islam.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan yang melibatkan penyalahgunaan jenama Bank Islam kepada Pusat Khidmat Pelanggan Bank Islam di **03-26 900 900** atau e-mel ke contactcenter@bankislam.com.my untuk tindakan lanjut.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.